

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 3/2001**

**PERUBAHAN SYARAT NYATA, PENYELESAIAN MASALAH HAKMILIK
SEBELUM KTN DAN CATATAN ENDORSAN DALAM HAKMILIK SPTB**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan tentang penemuan perubahan penyeragaman Syarat Nyata dan penyelesaian masalah hakmilik sebelum KTN kepada hakmilik Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer serta endorsan yang dicetak di Dokumen Hakmilik Daftar Komputer (DHDK) / Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK).

2. Dalam peringkat kemasukan data iaitu Hakmilik Manual kepada Hakmilik Berkomputer terdapat perubahan Syarat Nyata sebagaimana **Lampiran A**.
3. Dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, Hakmilik-Hakmilik sebelum KTN hendaklah dibuat sambung tukarganti dan bagi urusan Perletakanhak oleh mahkamah, format endorsan yang dicetak di DHDK/DHKK adalah menerima pakai format Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Rujuk Lampiran B).
4. Oleh itu semua Pentadbir Tanah hendaklah menggunakan arahan sebagaimana yang berkembar.
5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Dato' Hj. Md. Yusuf bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berbahagia/Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri
KELANTAN

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD. 2 (57)

BERTARIKH : 29 APRIL 2001

MASALAH SYARAT NYATA

Syarat Nyata Asal	Syarat Nyata Baru	Penyelesaian
<p>Contoh 1 :</p> <p>Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk tapak bangunan perniagaan jenis gudang daripada pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p> <p>Contoh 2 :</p> <p>Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk tapak Bangunan Perniagaan daripada jenis dan pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>	<p>Kedai</p>	<p>Bangunan Perniagaan sahaja mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>
<p>Contoh :</p> <p>Tanah yang dipegang di bawah hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan bangunan kilang dan lain-lain bangunan yang ada kaitan dengannya mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>	<p>Tapak Kilang</p>	<p>Tapak kilang dan bangunan yang berkaitan mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>